

**BUDAYA TAGAL DI TAMPARULI,  
SABAH(1963-2009)**

**ZENNO FERNANDEZ NASIRIN**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PUMS99:1

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Budayaan TAJAL di TAM PARULI SABAH (1963-2009)IJAZAH: SERTANA MUDA SAINS SOSIALSAYA ZENNO FERNANDEZ NABIRIN SESI PENGAJIAN: 2009  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

 SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

 TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


 TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

  
(TANDATANGAN PENULIS)

  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

  
DR. ISMAIL ALI

Nama Penyelia

Tarikh: 8/10/09Tarikh: 05/10/09

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu SULIT dan TERHAD.

PERPUSTAKAAN UMS

ebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara ertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana



1400017109

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan,

Tarikh,



---

(ZENNO FERNANDEZ NASIRIN)  
HA2006-4398  
Program Sejarah  
Sekolah Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah

8/10/2009



## PENGAKUAN PENYELIA

Latihan Ilmiah bertajuk *Budaya Tagal di Tamparuli, Sabah(1963-2009)* yang telah disediakan oleh Zenno Fernandez Nasirin bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,

(Prof. Madya Dr Ismail Ali)  
 Penyelia Latihan Ilmiah  
 Program Sejarah  
 Sekolah Sains Sosial  
 Universiti Malaysia Sabah  
 Tarikh:



## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Tuhan kerana dianugerahkan kekuatan fizikal dan mental untuk saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang telah member sokongan dan kerjasama yang tidak ternilai. Tanpa bantuan mereka, latihan ilmiah ini tidak mungkin akan dapat disiapkan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ismail Ali selaku penyelia latihan ilmiah ini yang banyak memberi teguran, nasihat, pandangan serta bimbingan yang amat berguna sehingga terhasilnya latihan ilmiah ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negeri Sabah, Jabatan Perikanan Sabah, Pejabat Unit Pemimpin Rakyat N.11 Kiulu dan juga pihak-pihak yang terlibat memberikan bantuan dari segi pemberian sumber untuk penulisan ilmiah Budaya Tagal di Tamparuli ini.

Paling istimewa sekali buat ibu bapa saya, Nasirin Gunting dan Joiti Mariana Lambun, nenek saya, Gutong Romboon, adik-adik saya, Judy, Ronnie, Ridder, Jackson, Roger, Erica, Jack, sahabat saya, Gustin Ribo dan juga saudara mara lain yang banyak memberikan dorongan, nasihat, tunjuk ajar dan juga bantuan kewangan kepada saya sepanjang proses menghasilkan latihan ilmiah ini. Terima kasih banyak-banyak. Semoga Tuhan memberkati anda semua.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada responden-responden yang banyak memberikan maklumat yang amat berguna kepada saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini, En. Akun Kalawot, En. Besinau Segunting, En. Rasimin Soiun, dan tidak lupa juga kepada Pemimpin Kemajuan Rakyat N.11 Kiulu, En. Sami Bangud yang banyak memberi bantuan dari segi maklumat yang amat berguna dalam penulisan ilmiah ini. Budi kalian tidak dapat saya lupakan. Buat sahabat-sahabat saya juga, Saiful, Henry, Azan, Andy, Joey, Zul dan yang lain-lain yang banyak memberi bantuan dari segi tenaga, peralatan dan juga pandangan. Terima kasih semuanya.



## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang budaya Tagal di Tamparuli dari segi pelaksanaannya dari tahun 1963 sehingga tahun 2009. Tagal ini merupakan satu sistem yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Tamparuli ataupun Sabah secara amnya. Sistem Tagal ini penting dalam usaha untuk memulihara alam khususnya sungai dan juga hidupan akuatik di dalamnya daripada pencemaran dan juga diancam kepupusan. Pelaksanaan Tagal ini pula dibahagikan kepada dua fasa iaitu pelaksanaan Tagal secara tradisional dan juga pelaksanaan secara moden. Tagal yang dilaksanakan secara tradisional ini diletakkan di bawah penyeliaan Ketua Kampung dan Mahkamah Anak Negeri manakala Tagal yang dilaksanakan secara moden diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Perikanan Sabah. Istilah pelaksanaan tradisional dan moden ini digunakan merujuk kepada cara pelaksanaan undang-undang Tagal dan juga cara memajukan Tagal tersebut. Tagal ini telah berkembang pesat setelah wujudnya campur tangan kerajaan dalam usaha memajukan sistem ini. Penyelidikan tentang sejarah Tagal ini masih belum dilakukan pada ketika ini. Nilai sejarah dan juga budaya Tagal itu sendiri amat penting untuk pengetahuan masyarakat terutamanya generasi muda. Justeru itu, kajian ini akan cuba mengupas dengan lebih lanjut berkenaan dengan sejarah kewujudan Tagal dan juga pelaksanaannya di Sabah khususnya di daerah Tamparuli.



## **ABSTRACT**

### **TAGAL CULTURE IN TAMPARULI, SABAH(1963-2009)**

*The present study discusses about Tagal system in Tamparuli from the site of implementation and its history from 1963 to 2009. The Tagal system was practice long time ago by Kadazandusun group in Tamparuli or Sabah generally. The importance of Tagal system is to conserve the environment especially river and its aquatic life from pollution and extinction. Formally the Tagal implementation can be divide to two period time call traditional Tagal implementation dan modern Tagal implementation. The traditional Tagal was supervised by Ketua Kampung or Native Court whereas the modern Tagal was supervised by Fishery Department of Sabah. The terminology of traditional and modern implementation refers to the method of Tagal law implementation and the way to develop the Tagal. Tagal was developing very rapidly after the government takes an intervention in a way to develop this system. In this time, there is very little study are made regarding Tagal system. The history value and the Tagal culture are important to the society knowledge especially to the young generation. So, this research will try to define about the Tagal history and its implementation in Sabah especially in Tamparuli district.*



## SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
BNBCC	British North Borneo Chartered Company
En.	Encik
hlm.	Halaman
IKA	Yang Amat Berhormat
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
JPS	Jabatan Perikanan Sabah
KAN	Ketua Anak Negeri
OKK	Orang Kaya-Kaya
OT	Orang Tua
PKR	Pemimpin Kemajuan Masyarakat
RC	Roman Catholic
SDA	Seventh Day Adventish
SIB	Sidang Injil Borneo
UPKR	Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat
YAB	Yang Amat Berhormat





## ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGAKUAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SINGKATAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI PETA	xii
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1	1
1.2	6
1.3	7
1.4	7
1.5	10
1.6	10
1.7	11
1.8	12
1.9	14
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG DAERAH TAMPARULI</b>	
2.1	15
2.2	16
2.3	28
2.4	35
<b>BAB 3: SEJARAH DAN BUDAYA TAGAL DI TAMPARULI</b>	
3.1	37
3.2	40



3.3	Budaya Tagal di Sabah	48
3.4	Tagal di Tamparuli	52
3.5	Pengurusan dan Pentadbiran Tagal	56
3.6	Adat Tagal	60
3.6.1	Undang-undang Tradisional	61
3.6.2	Undang-undang Jabatan Perikanan	63
3.7	Upacara Menuai Tagal	65
3.8	Kesimpulan	71

#### **BAB 4: HALA TUJU DAN MASA DEPAN BUDAYA TAGAL DI TAMPARULI**

4.1	Pendahuluan	73
4.2	Tagal Tradisional di Tamparuli	74
4.3	Cabaran Pelaksanaan dan Pembangunan Sistem Tagal	76
4.4	Peranan Jabatan Perikanan	78
4.5	Impak Pelaksanaan Tagal	86
4.6	Prospek Masa Hadapan	91
4.7	Kesimpulan	97

#### **BAB 5: KESIMPULAN** 99

#### **BIBLIOGRAFI** 103

#### **LAMPIRAN** 106



## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Populasi Penduduk Tamparuli	28
Jadual 2.2: Populasi Penduduk Sabah, 1981-1991	32
Jadual 3.1: Kawasan-kawasan Tagal di Sabah Pada Tahun 2006	50
Jadual 3.2: Kawasan-kawasan Tagal di Sabah Setakat Februari 2008	51
Jadual 3.3: Kawasan-kawasan Tagal di Tamparuli.	54
Jadual 4.1: Status Lima Sungai di Lembah Mayog Termasuk Empat di Bandaraya Kota Kinabalu bagi tahun 2004.	88



## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Menunjukkan Struktur Pentadbiran Tuaran Semasa Zaman British	26
Rajah 3.1: Carta Organisasi Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi Tagal	57
Rajah 3.2: AJK/Biro Kecil Tagal	58
Rajah 4.1: Harapan Masa Depan Tagal	96
Rajah 5.1: Pembahagian Masa Pelaksanaan Sistem Tagal	102



## SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1: Menunjukkan Daerah-Daerah di Sabah	3
Peta 1.2: Menunjukkan Sungai-Sungai Utama di Sabah	4
Peta 1.3: Menunjukkan Peta Tamparuli Dengan Daerah-Daerah Jiran	8
Peta 1.4: Menunjukkan Peta Kedudukan Tamparuli Dalam Negeri Sabah	9
Peta 2.1: Kawasan Kesultanan Brunei dan Sulu di Borneo Utara	17
Peta 2.2: Kawasan Jajahan Brunei di Pantai Barat Borneo Utara	19
Peta 2.3: Peta Sabah Semasa Pentadbiran Jepun	23



## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 2.1 : Bangunan Urusetia Kecil Tamparuli	27
Foto 3.1 : Upacara Menuai Tagal Sedang dijalankan di Kg. Kitapol Tamparuli	67
Foto 3.2 : Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili(ke-3 dari kiri) dan ADUN N.11 Kiulu YB Datuk Louis Rampas(Ke-3 dari kanan) bergambar dengan masyarakat kampung semasa menuai Tagal	68
Foto 3.3: Menunjukkan Ikan yang Ditangkap Dikumpulkan	69
Foto 3.4: Menunjukkan Pembahagian Ikan Kepada Ahli Tagal	70
Foto 4.1: En. Jephrrin Sedang Memberikan Ceramah di Kg. Bambang, Membakut	82
Foto 4.2: Pengarah Jabatan Perikanan Sabah En. Rayner Datuk Stuel Galid sedang memantau kawasan Tagal di Keningau	83
Foto 4.3: Taklimat Pengerusi-Pengerusi Tagal Tuaran Sedang Berlangsung	84
Foto 4.4: Penyerahan Papan Tanda Tagal Bantuan Jabatan Perikanan	85
Foto 4.5: Keratan Akhbar Utusan Borneo	92
Foto 4.6: Keratan Akhbar yang Menyatakan Tentang Acara Sukan Tradisional Yang Dilaksanakan di Sungai Kiulu(Sungai Tuaran)	93
Foto 4.7: Menunjukkan Acara Mandi dengan Ikan ( <i>Fish Massege</i> )	94
Foto 4.8: Menunjukkan Ikan-Ikan Jinak di Kawasan Tagal	95

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Foto 1: Jambatan Tamparuli	106
Foto 2: Sungai Tuaran	107
Foto 3: Jambatan yang Dibina oleh British Pada Tahun 1925	108
Foto 4: Menangkap Ikan Secara Tradisional(Menjala)	109
Foto 5: Aktiviti "Magasak" Sedang Dijalankan	109
Foto 6: Ikan yang Dituai di Kawasan Tagal	110



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Kewujudan sungai merupakan salah satu faktor yang menjadikan sesebuah kawasan itu dipilih menjadi kawasan petempatan manusia. Hal ini dibuktikan dengan tertulisnya dalam buku-buku sejarah peradaban awal dunia yang menyatakan kebanyakan tamadun agung manusia berkembang di sepanjang sungai yang menjadi nadi perhubungan utama ketika itu. Sebagai contohnya di sini ialah tamadun agung Mesopotamia, tamadun Mesir, India, China dan juga tamadun-tamadun lain.

Pemilihan lembah-lembah sungai ini untuk dijadikan kawasan petempatan disebabkan oleh banyak faktor seperti lembangan sungai ini sesuai untuk menjadi kawasan pertahanan, kawasan pertanian yang subur malah sungai menyediakan keperluan-keperluan asas manusia seperti makanan dan juga air untuk minuman. Sememangnya sejak zaman prasejarah lagi telah terdapat petempatan-petempatan di lembah-lembah sungai ini.

Sabah ataupun dikenali juga sebagai Borneo Utara semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British terletak di bahagian utara Pulau Borneo. Seluruh wilayahnya terletak dalam kawasan tropika, garis lintangnya ialah 3° 42' U di uncak sungai Padas ke 7° 2' U di semenanjung Kudat.<sup>1</sup> Sabah mempunyai keluasan 76, 082 kilometer persegi dan dikelilingi oleh Laut Cina Selatan di bahagian Barat, Laut Sulu di bahagian Utara dan timur manakala bahagian tenggaranya pula

---

<sup>1</sup> Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm.1.





dikelilingi oleh Laut Sulawesi. Kawasan perairinya pula adalah kira-kira 200 000 nautika persegi.

Sabah ini secara keseluruhannya mempunyai 24 buah daerah. Dari segi geografinya, Sabah mempunyai bentuk muka bumi yang bergunung-ganang serta mempunyai sungai-sungai yang banyak. Sungai-sungai ini menjadi pusat tumpuan utama petempatan awal di Sabah. Terdapat tiga kumpulan utama sungai yang menyaliri Sabah iaitu sungai-sungai panjang di Pantai Timur yang mengalir dari kawasan pedalaman ke Laut Sulu, sungai yang pendek di kawasan Pantai Barat yang mengalir ke Laut Cina Selatan yang berpunca dari Banjaran Crocker dan anak-anak sungai yang pendek di Pantai Tenggara yang mengalir ke laut Sulawesi. Sungai-sungai ini memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan geografi petempatan di Sabah dan merupakan satu-satunya jalan pergerakan melalui kawasan negeri yang berhutan sebelum wujudnya jaringan jalan raya.

Sungai-sungai di kawasan Pantai Barat pula agak pendek, deras dan kurang penting untuk perhubungan namun ianya penting untuk pertanian. Sungai Tuaran merupakan salah satu sungai utama di kawasan Pantai Barat ini. Sungai-sungai ini penting dalam membekalkan air minuman kepada penduduk di sekitarnya. Sebagai contohnya, sungai Tuaran di Tamparuli membekalkan 70% air minuman kepada penduduk di kawasan Kota Kinabalu. Sungai-sungai di Tamparuli juga penting untuk mengairi kawasan-kawasan pertanian khususnya penanaman padi. Selain itu, sungai-sungai ini penting dalam membekalkan makanan seharian kepada penduduk Tamparuli. Hal ini kerana ikan-ikan di sungai tersebut menjadi sumber makanan utama penduduknya. Oleh sebab itu, sesebuah kampung di Tamparuli kebanyakannya terletak berhampiran dengan kawasan sungai ataupun anak sungai.



**Peta 1.1: Menunjukkan Daerah-Daerah di Sabah**



Sumber: Kerajaan Negeri Sabah <<http://www.sabah.gov.my>> dilayari pada 2 Mac 2009.

**Peta 1.2: Menunjukkan Sungai-Sungai Utama di Sabah**



Sumber: DS Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1964: The Dynamics of indigenous Society*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2000, hlm.xvi.

Kawasan di sekitar sungai suatu ketika dahulu menjadi satu tempat penempatan meriah yang sentiasa sibuk dengan pelbagai urusan orang ramai diserikan lagi dengan pemandangannya yang cantik kini kebanyakannya telah berubah suasana. Apabila penempatan manusia semakin padat, selalunya kawasan di sekitar sungai berkenaan akan menjadi kotor dan tercemar angkara kedangkalan pemikiran manusia yang suka membuang sisa-sisa ke dalam sungai tanpa berfikir panjang. Selain itu juga, disebabkan aktiviti penangkapan ikan oleh manusia yang semakin bertambah, populasi ikan-ikan ini mengalami masalah kepupusan.

Selain itu juga, disebabkan oleh pencemaran, kehidupan akuatik yang hidup di sana semakin hari semakin berkurangan akibat pencemaran dan mungkin juga diancam dengan kepupusan. Disebabkan itu, munculnya kesedaran daripada orang ramai untuk memulihara sungai tersebut walaupun suatu ketika dahulu penggunaan teknologi-teknologi moden belum wujud lagi. Oleh sebab itu, usaha pemuliharaan ini dilakukan secara tradisional dengan mewartakan undang-undang sehingga ianya menjadi budaya yang diturunkan secara turun-temurun. Pemuliharaan secara tradisional ini sedikit sebanyak ternyata berkesan dalam usaha untuk mengatasi masalah ini. Oleh sebab itu, di Sabah khususnya masyarakat Kadazandusun mereka mempunyai cara ataupun sistem yang tersendiri untuk memulihara sungai ini. Sistem ini dinamakan sistem Tagal.

Sistem Tagal ataupun di sesetengah daerah di Sabah dikenali juga sebagai "Bombon" merupakan satu budaya pemuliharaan sungai yang telah diamalkan sejak sekian lamanya oleh masyarakat Kadazandusun. Sistem Tagal ini bertujuan untuk memulihara sumber perikanan dan kualiti sungai daripada ancaman kepupusan serta pencemaran. Definisi "tagal" ataupun "bombon" ini adalah "larangan terhadap sesiapa sahaja untuk menangkap ikan di sepanjang kawasan sungai yang telah diwartakan sebagai kawasan Tagal sehinggalah masa tertentu biasanya antara satu atau dua tahun". Oleh sebab itu, sistem Tagal ini bermaksud satu sistem perkongsian pintar di antara masyarakat tempatan dengan pihak kerajaan



khususnya Jabatan Perikanan dalam hal perlindungan, pemuliharaan dan juga pengurusan sumber perikanan di Sabah.<sup>2</sup>

Disebabkan oleh aktiviti penangkapan yang berterusan serta penggunaan akar-akar tuba, lama-kelamaan, ikan di sungai menjadi semakin berkurangan menyebabkan wujudnya kesulitan bagi penduduk untuk mendapatkan sumber makanan mereka. Hal ini menimbulkan kesedaran dalam kalangan penduduk untuk mewujudkan satu kawasan di sungai tertentu yang menjadi tempat ikan membiak dan kawasan tersebut dilarang menangkap ikan sehinggalah musim-musim tertentu. Oleh sebab itu, disebabkan kawasan tersebut tidak dikacau atau ditangkap ikannya dalam sesuatu tempoh masa tertentu maka ikan-ikan di kawasan tersebut masih sempat membiak dan ini berupaya meningkatkan jumlah ikan dan masalah kepupusan ikan juga sedikit sebanyak dapat diatasi. Apabila tibanya masa untuk menangkap ikan ini, penduduk kampung akan berkerjasama ataupun bergotong-royong menangkap ikan tersebut yang akhirnya akan dibahagikan sama rata antara mereka. Musim menangkap ikan dalam bahasa Dusun di Tamparuli disebut sebagai *kokotuan*. *Kokotuan* ini bermakna musim kemarau yang agak panjang yang mana menyebabkan air sungai akan menjadi cetek dan hal ini akan memudahkan penduduk kampung untuk menangkap ikan di kawasan Tagal tersebut dengan menggunakan kaedah tradisional.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merupakan satu pernyataan masalah yang akan yang akan dikupas dalam penulisan ilmiah ini. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, masih belum terdapat penulisan yang menjurus sepenuhnya tentang pembudayaan adat Tagal ini terutamanya membincangkan tentang kewujudan sistem Tagal ini. Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah cara pemuliharaan secara moden serta hanya membincangkan cara untuk membiakkan ikan-ikan yang hampir pupus melalui kaedah moden dan juga penternakan ikan air

<sup>2</sup> *Kejayaan Sistem Iagal Sabah*, Kota Kinabalu: Jabatan Perikanan Sabah, 2006, hlm.1.



tawar ini menggunakan kaedah akuakultur sebagai usaha untuk memulihara sumber serta menjana ekonomi. Oleh sebab itu, dalam penulisan ini, permasalahan yang akan cuba dikupas adalah bila budaya Tagal ini bermula dan mengapa wujudnya budaya Tagal ini di Tamparuli dan bagaimana Tagal ini dikaitkan dengan konsep pemuliharaan sumber dan juga alam sekitar.

### **1.3 Tujuan Kajian**


Tujuan utama penulisan ini dibuat adalah untuk mengkaji tentang budaya Tagal dalam masyarakat Kadazandusun di Tamparuli. Selain itu juga, penulisan ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah keberkesanan budaya warisan masyarakat Kadazandusun ini dalam usaha untuk memulihara sungai dan hidupan akuatik di dalamnya daripada ancaman pencemaran dan juga kepupusan. Objektif seterusnya ialah melihat sejauh manakah Tagal ini dapat menyatupadukan masyarakat Dusun di Tamparuli melalui cara pelaksanaannya serta melihat sejauh mana Tagal ini menyumbang kepada ekonomi masyarakat dan yang terakhir ialah mengkaji hala tuju dan masa depan budaya Tagal ini di Tamparuli.

### **1.4 Lokasi Kajian**

Lokasi yang dipilih untuk melakukan kajian dalam penulisan ilmiah ini ialah sebuah daerah kecil di negeri Sabah yang dikenali sebagai Tamparuli. Tamparuli ini terletak kira-kira 22 batu ataupun 35 kilometer dari Kota Kinabalu yang merupakan ibu negeri bagi negeri Sabah. Tamparuli ini terletak berhampiran dengan sebatang sungai yang dikenali sebagai sungai Tuaran. Di tepi sungai Tuaran inilah berlangsungnya tamu(pasar sehari) mingguan Tamparuli yang meriah setiap hari Rabu. Kawasan Tagal boleh didapati di beberapa bahagian di sepanjang sungai ini termasuklah di anak-anak sungai yang mengunjur ke sungai Tuaran ini. Hal ini kerana petempatan wujud di kawasan-kawasan tertentu di sepanjang lembah sungai ini. disebabkan oleh kepentingan yang dimainkan oleh sungai itu sendiri.




**Peta 1.3: Menunjukkan Peta Tamparuli Dengan Daerah-Daerah Jiran**



Sumber: Gustin Ribo, *Perkahwinan Suku Dusun Lotud Tamparuli, Sabah*,  
 Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi:  
 Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm.76.

**Peta 1.4: Menunjukkan Peta Kedudukan Tamparuli Dalam Negeri Sabah**



Sumber: Gustin Ribo, *Perkahwinan Suku Dusun Lotud Tamparuli, Sabah*,  
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi:  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm.77.



## BIBLIOGRAFI

### Buku

- Affah Abu Yazid. 2003. *Pengajian Tamadun Asia*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- A.K. Mohammad Mohsin & Mohd. Azmi Ambak (Terj.). 1992. *Ikan Air Tawar di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DS Ranjit Singh. 2000. *The Making of Sabah 1865-1964: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ismail Ali. 2007. *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Ivor, H.N Evan. 1990. *Among Primitive Peoples in Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Lee Yong Leng. 1982. *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ariff Bin Dato' Hj. Othman. 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-undang dan Polisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Noor bin Abdullah. 1979. *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke Dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Razalee Goroh. 1983. *Sepintas Lalu Mengenai Adat Istiadat Dusun/Kadazan Kota Belud*. Kota Kinabalu: Masa Press(S) Sdn.Bhd.
- Saberiya Binti Patiroi. 2006. *Pencemaran Air di Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Negeri Sabah, Malaysia.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
2006. *Kejayaan Sistem Tagal Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Perikanan Sabah.
1989. *Sabah Secara Ringkas*. Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Sabah.



2008. *Kejayaan Pembangunan Perikanan Sabah: Pemuliharaan Sumber Perikanan Sungai (Sistem Tagal)*. Kota Kinabalu: Jabatan Perikanan Sabah.

### **Tesis**

Gustin Ribo. 1993. *Perkahwinan Suku Dusun Lotud Tamparuli, Sabah*. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tesis Sarjana Muda).

Siti Rahel Abdul Wahab. 2007. *Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Jabatan Perikanan Sabah*. Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. (Tesis Sarjana Muda).

### **Fail**

Doket 29. *Tamparuli*. Arkib Negeri Sabah.

Doket 33. *Tuaran*. Arkib Negeri Sabah.

Fail Pejabat Daerah Kecil Tamparuli: Buku Taklimat Profail Daerah Kecil Tamparuli.

Fail Pejabat UPKR N.11, Kiulu: Carta Organisasi Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi Tagal.

Fail Pejabat UPKR N.11, Kiulu: Kawasan-kawasan Bombon di Tamparuli

### **Surat Khabar**

*Daily Express*. 2008. *Tagal System: Killing Two Birds With One Stone*.

*Utusan Borneo*. 2009. *Tagal Tingkat ekonomi luar Bandar: Hamisa*.

### **Temu Bual**

En. Akun Bin Kalawot. 71 tahun. Kampung Sinulihan, Tamparuli. Pengerusi Tagal Kg. Sinulihan. *Sejarah Kewujudan Sistem Tagal di Tamparuli*. 30 November 2008.

En. Besinau Bin Segunting. 68 tahun. Kg. Sinulihan, Tamparuli. Penduduk Kg. Sinulihan. *Sejarah Kewujudan Sistem Tagal di Tamparuli*. 30 November 2008.

Pn. Gutong Romboon. 83 tahun. Kg. Sinulihan, Tamparuli. Penduduk Kg. Sinulihan. *Upacara Penubuhan Tagal*. 27 Februari 2009.



- En. Rasimin bin Soiun. 46 tahun. Mahkamah Anak Negeri Tamparuli. Wakil Ketua Anak Negeri. *Sejarah Kewujudan Sistem Tagal*. 6 Februari 2009.
- En. Ribu bin Andai. 83 tahun. Tamparuli. Penduduk Tamparuli. *Kepentingan Sungai Tuaran Ketika Pendudukan Jepun*. 2 Januari 2009.
- En. Sami Bangud. 51 tahun. Pejabat Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat (UPKR). Pemimpin Kemajuan Rakyat. *Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Tagal*. 3 April 2009.

### **Internet**

- Jabatan Perikanan Sabah <<http://www.fishdept.sabah.gov.my>> dilayari pada 6 April 2009.
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi < <http://www.mosti.gov.my>> dilayari pada 3 Januari 2009.
- Kerajaan Negeri Sabah <<http://www.sabah.gov.my>> dilayari pada 2 Mac 2009.
- Sistem Tagal Sungai Moroli Berpotensi Menjadi Tarikan Pelancong <<http://3.bp.blogspot.com>> dilayari pada 1 Februari 2009.

